

01 AUG 1998

Mahathir-Singapura

MALAYSIA TIDAK BERHASRAT UNTUK BERBALAH DENGAN SINGAPURA

SEPANG, 1 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak berhasrat untuk mempunyai persengketaan dengan Singapura dan menyeru negara itu menyelesaikan isu pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di Tanjong Pagar yang sudah berlarutan itu.

"Inisiatif baginya terletak pada mereka," kata Perdana Menteri kepada pemberita setibanya kembali dari lawatan seminggu ke tiga negara Afrika di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini hari ini.

Ketika ditanya pemberita mengenai perkara itu, Dr Mahathir berkata perbalahan mengenainya telah dimulakan oleh Singapura, bukannya oleh Malaysia.

"Sebenarnya, jika ada perkara yang mengeruhkan hubungan antara Malaysia dan Singapura, itu adalah kerana mereka," kata beliau dan menegaskan bahawa Malaysia tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

"Bagi kita, pusat itu akan berjalan seperti biasa," katanya.

Kedua-dua negara kini menghadapi kebuntuan ekoran keputusan Singapura untuk memindahkan kemudahan CIQ-nya dari setesen Tanjong Pagar, yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di selatan Singapura, ke Woodlands di bahagian utara berhampiran dengan sempadannya dengan Malaysia mulai hari ini.

Singapura mahu imigresen Malaysia turut berpindah ke Woodlands dan mengingatkan bahawa jika ia terus beroperasi dari Tanjong Pagar, penumpang kereta api akan menghadapi masalah manakala pegawai imigresen Malaysia akan dianggap bertindak tanpa kuasa undang-undang.

"Segalanya berjalan dengan baik apabila dengan tiba-tiba mereka memutuskan yang mereka tidak mahu orang kita berada di Singapura.

"Saya memerlukan sedikit masa lagi untuk memikirkan tentang apa yang perlu kita lakukan," kata Perdana Menteri yang telah diberitahu mengenai perkembangan terkini berkaitan isu itu di lapangan terbang itu.

Ketika menjawab satu pertanyaan, Dr Mahathir berkata beliau tidak tahu sama ada Singapura boleh memaksa Malaysia untuk memindahkan pusat pemeriksaannya ke Woodlands "tetapi memanglah apabila kita sedang menghadapi masalah dengan ekonomi kita, ini masalah yang tidak diinginkan.

"Saya tidak tahu kenapa mereka memilih masa ini untuk melakukan perkara ini. Mungkin bagi mereka ini satu strategi," kata Dr Mahathir.

Apabila ditanya sama ada beliau mempunyai keyakinan yang Malaysia dan Singapura akan dapat menyelesaikan pertelingkahan itu tanpa campur tangan pihak ketiga, Dr Mahathir berkata: "Kita harap kita dapat lakukan, kita akan cuba."

-- BERNAMA

ES TCL NMO